

04/05/1998

Perodua buat kajian pasang Kancil di Mesir

PERUSAHAAN Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua), bercadang menubuhkan syarikat pemasangan kereta Perodua Kancil di Mesir berdasarkan prospek pasaran yang luas di negara itu khususnya dan Asia Barat amnya.

Perodua sudah memulakan kajian penubuhan syarikat terbabit baru-baru ini berdasarkan peningkatan penjualan kereta berkenaan di Mesir, sejak ia mula memasuki pasaran, Mac lalu.

Syarikat yang bakal ditubuhkan melalui usaha sama dengan syarikat tempatan di Mesir itu bakal menjadikannya sebagai syarikat pemasangan Perodua Kancil pertama di luar negara.

Pengarah Urusannya, Datuk Abdul Rahman Omar, berkata berdasarkan jumlah tempahan sebanyak 280 unit pada bulan lalu, Perodua melaksanakan kajian itu bagi mengenal pasti keluasan pasaran di negara yang mempunyai 60 juta penduduk itu.

Selain itu, kajian juga membabitkan kesesuaian cuaca di Mesir dengan kemampuan Perodua Kancil dan jika ia memerlukan pengubahsuaian, Perodua bersedia melaksanakannya.

"Jika kajian itu positif, kami akan melaksanakannya," katanya selepas melancarkan variasi terbaru kereta Perodua Kancil jenis `EX Extra' dan merasmikan syarikat jualan Perodua Kancil Cawangan Alor Star, di Simpang Kuala, Alor Star, semalam.

Perodua Kancil EX extra mempunyai lima kelajuan dengan tiga perbezaan harga berdasarkan peralatan pelengkap tambahan iaitu jenis A yang tiada pendingin hawa, pemain radio kaset dan penutup rim yang dijual pada harga RM21,762.

Jenis B pula yang hanya mempunyai pendingin hawa dijual pada harga RM23,902 manakala jenis C yang dilengkapi pelbagai peralatan tambahan dijual pada harga RM24,689.

Syarikat jualan cawangan terbabit adalah yang ke-18 di seluruh negara.

Menurutnya, sebanyak 80 unit pertama Perodua Kancil habis dijual di Mesir dalam tempoh seminggu sahaja.

"Bagaimanapun, tempahan 280 unit kereta berkenaan kini masih belum dihantar berikutan sedikit masalah pengangkutan kapal."

"Sebuah syarikat wakil penjual Perodua Kancil yang sudah beroperasi di Kaherah akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Sabtu depan apabila Dr Mahathir melakukan lawatan kerja ke negara itu minggu depan," katanya.

Mengenai Kancil EX extra, Abdul Rahman berkata, Perodua mengekalkan unjuran penguasaan pasaran dalam industri otomotif tempatan sebanyak 30 peratus meskipun dengan penjualan variasi terbaru itu.

Ia berdasarkan penurunan dalam jumlah permintaan dan penguasaan pasaran dalam industri terbabit akibat kegawatan ekonomi negara, katanya.

Pada tahun lalu, Perodua mencatat jualan 58,255 unit Kancil dan menguasai 19 peratus daripada pasaran kenderaan penumpang domestik, katanya.

Pada Januari lalu, penguasaan pasaran bagi Kancil meningkat tiga kali ganda kepada 33.71 peratus (3,294 unit) berbanding 14.9 peratus (3,793 unit) dalam tempoh yang sama pada 1997.

Penjualan Kancil pada Februari lalu merosot kepada 2,486 unit, iaitu penurunan jualan paling ketara.

(END)